

Saman trafik: Kerajaan akan kaji keberkesanan SMS

UM 20 MAY 2002

SHAH ALAM 19 Mei — Kerajaan akan mengkaji keberkesanan penggunaan perkhidmatan maklumat saman trafik menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) yang dikatakan menganiaya orang ramai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata, perkhidmatan itu sebenarnya bertujuan murni untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

"Itu kita boleh kaji, tetapi tujuan kita ialah untuk mengurangkan kematian akibat kemalangan di jalan raya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC di Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) yang mahukan kerajaan mengkaji semula perkhidmatan maklumat saman trafik melalui SMS berikutan maklumatnya tidak terkini

dan melirukan orang ramai.

Presidennya, Prof. Datuk Hamdan Adnan berkata, orang ramai terpaksa membayar kepada perkhidmatan yang gagal dikemas kini.

Dr. Mahathir turut menyelar sikap sesetengah pihak yang gemar mengkritik peraturan yang dibuat oleh kerajaan walaupun bertujuan baik.

Peraturan

Beliau berkata: "Kalau suka banyak kemalangan tidak apalah. Kita tidak ambil tindakan. Pandulah kereta macam mana pun. Bawa kereta laju pun tidak apa."

Beliau menjelaskan, segala peraturan yang dibuat oleh kerajaan bertujuan mengurangkan kadar kematian dan kemalangan di jalan raya yang tinggi setiap tahun.

Kerajaan, tegasnya, tidak akan mengenakan peraturan ketat sekiranya kadar kemalangan rendah dan pengguna berdisiplin di jalan raya.

"Saya tidak tahulah tetapi mengikut undang-undang me-

reka kena terimalah," tegasnya.

Ditanya mengenai rundingan antara Malaysia dan Singapura yang dijadual diadakan pada 1 Julai ini, Perdana Menteri menjelaskan, segala perkara berhubung rundingan itu akan diumumkan kemudian.

"Kita tidak membuat rundingan melalui surat khabar," katanya.

Mengulas tempoh perkhidmatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia sebagai Ahli Dewan Negara yang tamat hari ini, katanya, perkara itu merupakan perkara biasa bagi setiap Ahli Dewan Negara.

Pandikar Amin akan menamatkan tugasnya sebagai menteri ekoran tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ahli Dewan Negara berakhir hari ini.

Khidmat Pandikar Amin sebagai anggota Dewan Negara tidak boleh disambung lagi kerana telah memenuhi tempoh maksimum dua penggal.